

24 JUN 1999

Mahkamah-Anwar (Hina)

HENTIKAN CUBAAN HINA MAHKAMAH, PERINTAH HAKIM

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Hakim Mahkamah Tinggi bagi kes perbicaraan liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memerintahkan pihak pembelaan supaya menghentikan cubaan untuk menyaman seseorang bagi perbuatan menghina mahkamah sepanjang perbicaraan itu.

Hakim Datuk Arifin Jaka berkata beliau berpendapat sesiapa pun boleh membuat komen mengenai sebarang perkara dengan syarat ia tidak menyentuh mana-mana aspek prosiding itu yang dijalankan di mahkamahannya.

Jika sesiapa pun yang merasa terjejas oleh komen sedemikian, beliau berhak mengambil tindakan sewajarnya jika beliau mahu, katanya.

"Tetapi saya berharap tiada lagi cubaan pada masa depan untuk menyaman sesiapa pun semasa prosiding ini kerana permohonan itu akan melengah-lengahkan perjalanan prosiding ini," kata Arifin.

Arifin mengulas aduan peguam Anwar, Karpal Singh, yang memberitahu mahkamah bahawa bekas Ketua Hakim Negara Tun Hamid Omar perlu disaman kerana menghina mahkamah berikutan kenyataan beliau yang disiarkan dalam akhbar-akhbar hari ini.

Arifin berkata beliau menerima perhatian Karpal berhubung perkara itu dan menasihatkannya supaya mengambil tindakan sewajarnya.

Dalam laporan akhbar hari ini, Hamid dipetik sebagai berkata bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak harus dikatakan menghina mahkamah jika komennya mengenai Anwar adalah tidak berkaitan dengan kes yang sedang dibicarakan terhadap bekas timbalan perdana menteri itu.

Hamid diminta mengulas sama ada kenyataan Dr Mahathir mengenai Anwar pada Perhimpunan Agung Umno ke-53 baru-baru ini adalah menghina mahkamah kerana pada Isnin lepas, pihak pembelaan Anwar menuduh Perdana Menteri cuba mempengaruhi kes mahkamah itu menerusi kenyataan-kenyataannya mengenai Anwar.

Karpal, yang merujuk kepada laporan-laporan akhbar sebagai asas aduannya itu, berkata komen-komen sedemikian telah meletakkan Anwar dalam keadaan kebimbangan apabila "beliau sepatutnya dibiarkan menghadapi perbicaraan itu dengan aman."

"Perkaranya ialah, apakah yang difikirkan oleh seseorang warganegara apabila komen sedemikian dibuat, satu oleh Perdana Menteri dan kemudian oleh bekas Ketua Hakim Negara. Selepas ini mungkin oleh jeneral Angkatan Tentera, saya tidak tahu," katanya.

Karpal berkata pembelaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap Hamid kerana menghina mahkamah berikutan "komen-komennya yang tidak bertanggungjawab" dan meminta mahkamah untuk menghentikan perbuatan itu.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, yang mengetuai pihak pendakwaan, berkata pembelaan perlu memfaikan permohonan yang teratur jika mereka berpendapat Hamid menghina mahkamah.

Beliau berkata sementara menunggu pihak pembelaan memfailkan permohonan itu secara rasmi, adalah terlalu awal bagi Karpal untuk membangkitkan isu itu pada prosiding ini.

"Adalah terlalu awal juga bagi Yang Arif untuk membuat sebarang komen atau perintah pada peringkat ini berikutan tiadanya sebarang permohonan rasmi," katanya.

Selepas Arifin membuat perintah itu, Karpal berkata pembelaan tidak bermaksud untuk campur tangan dalam prosiding mahkamah itu tetapi aduan itu

dibuat demi kepentingan anak guamnya, Anwar, yang dibicarakan bersama-sama adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Sukma, 38, dan Anwar, 51, bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan, dituduh meliwat bekas pemandu peribadi isteri Anwar, Azizan Abu Bakar, di apartmen no. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini, pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma juga menghadapi tuduhan kedua bersubahat dengan Anwar dalam melakukan kesalahan itu di tempat serta pada masa dan tarikh yang sama.

Mohtar berkata setelah membaca komen Hamid, beliau berpendapat pandangan bekas Ketua Hakim Negara itu adalah adil.

Arifin kemudian memerintahkan perbincangan itu diteruskan.

--BERNAMA

SBB NAK